

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: 12 April 2017 14:38
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: #QuranHour Membentuk Kekuatan Pecinta Al-Quran



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



12 APRIL 2017 / 15 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Hasif Ismail

#QURANHOUR MEMBENTUK KEKUATAN PECINTA AL-QURAN



UUM ONLINE: Berapa kerap kita membaca WhatsApps, Facebook berbanding Al-Quran sedangkan Allah turunkan Al-Quran sebagai sumber kekuatan dan petunjuk yang mengandungi pelbagai hikmah serta satu jalan untuk mendekatkan diri kepada-Nya.

Dalam usaha memupuk budaya cinta Al-Quran, #QURANHOUR berjaya menarik kira-kira 130 warga kampus termasuk pelajar dan staf untuk membaca Al-Quran beramai-ramai di Masjid Sultanah Bahiyah, UUM, Sintok, semalam.

Pengarah projek, Ainnurnadhirah Abdul Samad, 22, berkata, program anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bersama Pusat Islam mengajak lebih ramai warga kampus meluangkan masa membaca Al-Quran.

“Alhamdulillah, sambutan menggalakkan dari yang kita jangka memandangkan ini pertama kali dianjurkan dan rata-ratanya meminta supaya diadakan lagi pada setiap semester,” ujar siswi Pentadbiran Muamalat itu.

Ulasnya, program kerohanian ini bertujuan melahirkan generasi cinta Al-Quran dan memupuk budaya membaca Al-Quran di kalangan staf dan pelajar di samping menjalin silaturahim.

“Kita ingin wujudkan generasi muda yang suka berinteraksi dengan Al-Quran, membaca dan memahaminya agar timbul kecintaan dan menjadi kebiasaan akhirnya mereka akan menjadi manusia yang lebih baik.

“Satu mesej yang memberi kesedaran supaya kita tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai hamba Allah walau sesibuk manapun kita dalam urusan dunia, jangan jauh dari Al-Quran di samping menjadikan Al-Quran sebagai suatu cara hidup untuk berjaya di dunia mahupun akhirat.

“Saya percaya program ini menjadi cetusan untuk terus menjadikan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian yang tidak bermusim, jangan tunggu Ramadhan baru kita nak buka Al-Quran,” katanya.

Manakala siswi Sains Ekonomi, Nasihah Mohd Diah menyambut baik program bermanfaat yang berteraskan Al-Quran untuk beroleh keberkatan dalam hidup.

“Peserta membaca beramai-ramai mengikut surah yang telah diberikan dalam satu kumpulan kecil, apa yang penting membaca dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah.

“Al-Quran yang diturunkan lebih 1,400 tahun kekal relevan walaupun dunia sudah maju dan sebagai umat Islam Al-Quran menjadi pegangan kita dan menjawab setiap persoalan dalam kehidupan.

“Kehebatan Al-Quran memang tiada tandingan sayangnya, hari ini, anak-anak yang lahir dari keluarga Islam, ibu bapa muslim tetapi tidak tahu membaca Al-Quran.

“Jangan berhenti belajar tambahan pula kita sebagai pelajar yang mempunyai keupayaan dari segi fizikal yang masih kuat dan akal yang cerdas.

“Ketika kita rasa penat dan susah nak belajar mengaji angkat tangan berdoa supaya Allah mempermudah kerja buat kita untuk mendalami Al-Quran kerana tiada istilah terlewat agar tidak menyesal di kemudian hari,” luahnya.

Nasihah berharap majlis ini dapat membakar semangat peserta untuk terus membaca Al-Quran setiap hari sama ada secara bersendirian, beramai-ramai sekali gus membentuk akhlak terpuji.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.